

# Indeks Perkhidmatan terima maklum balas positif

Ekonomi

25 Apr 2016 (19 hours ago)



Siti Aishah Ahmad

Meskipun masih boleh diperbaiki data-data yang dikumpulkan, Indeks Perkhidmatan mampu memberi pemahaman dan memudahkan pemegang taruh seperti penganalisis, wartawan mahu pun pembuat dasar mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Pengumpulan data-data selama sembilan tahun dan mula dikeluarkan pada tahun lepas dan Indeks Perkhidmatan mula mendapat maklum balas positif daripada orang ramai.

Menurut Pengarah Jabatan Imbangan Pembayaran, Siti Aishah Ahmad, masih terdapat beberapa ruang yang boleh diperbaiki di dalam menyediakan Indeks Perkhidmatan kerana terdapat kesukaran di dalam pengumpulan data berikutan Indeks Perkhidmatan mengukur sesuatu yang

tidak boleh dipegang (intangible) berbanding Indeks Pengeluaran Industri (IPI) yang lebih mudah.

Jelasnya, ada beberapa segmen yang contohnya perkhidmatan kewangan yang mana datanya tidak dapat dikumpulkan secara menyeluruh kerana hanya melibatkan tiga jenis bank iaitu bank komersial, bank pelaburan dan bank Islam.

“Kita memang belum memasukkan institusi pembiayaan semasa pengumpulan data. Mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan kemudian. Pengumpulan data bagi Indeks Perkhidmatan lebih sukar namun ianya masih mempunyai banyak ruang yang boleh diperbaiki,” katanya semasa sesi interaktif pemantauan prestasi ekonomi melalui indeks-indeks di Malaysia.

Tambah Siti Aishah, Indeks Perkhidmatan akan dikeluarkan setiap suku tahun sebelum laporan Keluaran Dalam Negara Kasar diumumkan.

Bagaimanapun menurut beliau, pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum boleh mengaitkan di antara Indeks Perkhidmatan dan KDNK.

“Kadang kala terdapat perbezaan di antara di antara Indeks Perkhidmatan dan KDNK disebabkan antaranya Indeks Perkhidmatan tidak mengumpulkan data secara menyeluruh. Mungkin sekadar 60 peratus sahaja sedangkan KDNK memerlukan maklumat yang lebih daripada itu,” katanya.

Jika ia meliputi lebih 85 peratus maka kedudukan Indeks Perkhidmatan dan KDNK biasanya selari.

Namun sejak Indeks Perkhidmatan diperkenalkan, ianya memudahkan para penganalisis untuk membuat ramalan,” katanya lagi.

Jelas Siti Aishah, indeks-indeks perkhidmatan di negara-negara maju juga mengambil masa untuk ditambah baik dan merangkumi lebih banyak data dan sektor.- MalaysiaGazette